

27 JUN 2000

OIC-Mahathir/IT (Dengan gambar)/I

PENGETAHUAN MENERUSI IT DICEMARI BAHAN LUCAH DAN PEMBOHONGAN

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji penyebaran pengetahuan dalam teknologi maklumat tetapi memberi amaran bahawa ia juga dicemari bahan lucah dan pembohongan.

Beliau berkata: "Pengembangan pengetahuan tidak lagi boleh disekat. Bagaimanapun maklumat bukan hanya mengenai ilmu pengetahuan. Ia juga mengandungi bahan lucah dan pembohongan yang disebarkan oleh mereka yang mahu menjejaskan pembangunan masyarakat, termasuk umat Islam."

"Moral kita, anak-anak kita dan generasi masa depan sedang dicemari agar agama Islam tidak lagi menjadi penting. Dan kita tidak mempunyai teknologi atau kaedah yang secukupnya untuk menangani perkara itu," katanya dalam ucaptamanya pada perasmian sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini.

Dr Mahathir berkata: "Saudara mungkin terkejut untuk mengetahui bahawa kira-kira 50 peratus transaksi perniagaan melalui Internet adalah mengenai pornografi."

Ketika umat Islam menutupi tubuh mereka mengikut tuntutan agama, mereka juga digoda untuk memindah terima gambar-gambar lucah dari Internet, katanya.

Dengan Internet, cara-cara baru untuk melakukan sesuatu menjadi mudah dan perhubungan secara langsung dari pengguna kepada pembekal perhubungan membolehkan penjualan dan penghantaran secara terus, katanya kepada kira-kira 1,000 perwakilan dari 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Beliau berkata sebelum ini barang diimport secara pukal oleh syarikat perdagangan dan mengedarkannya menerusi peruncit tempatan, kini barang itu datang dalam bungkusan kecil terus kepada pengguna dari syarikat-syarikat dot-com yang terletak 12,000 batu jauhnya.

"Pengimport, pengedar dan peruncit kini diketepikan dan sebahagian besar mereka akan lenyap. Kerajaan-kerajaan tidak lagi boleh mengutip duit import atau cukai korporat. Apa yang akan terjadi kepada perniagaan kita, pekerja kita dan Kerajaan kita tidak sukar untuk dibayangkan," katanya.

Oleh itu, katanya, umat Islam harus memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam era maklumat ini "kerana jika mereka mengetepikan dunia IT, mereka akan terpinggir lebih jauh berbanding ketika mereka berada dalam Era Perindustrian pada abad yang lepas."

Dr Mahathir adalah seorang penyokong kuat pemilikan teknologi tinggi yang mencakupi IT dan multimedia untuk menggerakkan Malaysia kepada status negara maju.

Dr Mahathir berkata banyak pengajaran yang boleh dipelajari daripada sejarah umat Islam dan Empayar Islam.

"Bagaimanapun, jika kita melihat pada masa sekarang jelas menunjukkan bahawa kita tidak mengambil iktibar daripada pengalaman silam kita. Umat Islam masih bertelagah. Hari ini kita lebih berpecah belah. Kebanyakan negara Islam berperang sesama mereka," katanya.

"Dan di setiap negara kita juga gagal untuk bersatu padu, untuk mewujudkan kerajaan progresif yang mantap. Jika kita mengamalkan demokrasi, kita menggunakan Islam untuk memecahbelahkan dan bukannya untuk menyatukan rakyat dan kita melemahkan diri kita sendiri dan kerajaan kita," katanya.

-- BERNAMA

GM AKD